



Nukilan:
Noraisah Nurul Fatwa binti Mohd Razali
Guru Bahasa Kanan
Pusat Bahasa Moden
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



Karya Kreatif

Hari Kualiti dan Inovasi UMPSA 2026

Hari ini kita berhimpun,
Menyatu tekad, mengikat impian,
Dalam semangat yang tidak pernah padam,
Mengangkat kualiti, memacu kecemerlangan.

Kualiti tanpa sempadan,
Bukan sekadar slogan di bibir,
Tetapi budaya yang subur di hati,
Menjadi nadi setiap langkah dan bakti.

Tiada batas usia mahupun jawatan,
Tiada halangan tempat dan keadaan,
Kerana kualiti adalah komitmen,
Yang menyatukan seluruh warga dalam satu perjuangan.

Inovasi masa hadapan,
Lahir daripada keberanian mencuba,
Daripada idea yang berani diteroka,
Menjadi jambatan menuju dunia yang lebih bermakna.

Dalam era yang pantas berubah,
Kita bukan sekadar mengikut arus,
Tetapi mencipta gelombang baharu,
Membina masa depan dengan ilmu dan daya maju.

Setiap cabaran adalah peluang,
Setiap kekangan membuka ruang,
Untuk kita berfikir di luar kebiasaan,
Melakar kejayaan penuh gemilang.

Marilah kita terus melangkah,
Dengan integriti sebagai arah,
Dengan kreativiti sebagai obor,
Menyinari perjalanan menuju mercu yang luhur.

Semoga Hari Kualiti dan Inovasi ini,
Menjadi titik tolak transformasi,
Agar kualiti terus merentasi sempadan,
Dan inovasi memimpin masa hadapan.

Kualiti tanpa sempadan, inovasi masa hadapan,
Bersama kita realisasikan,
Demi organisasi yang unggul dan berdaya tahan,
Demi generasi yang bakal mewarisi kecemerlangan.



Kejuruteraan • Teknologi • Kreativiti

Study@UMPSA

[Creative Work](#)

Hari Kualiti dan Inovasi UMPSA 2026

19 June 2026

-
- 12 views

[View PDF](#)